

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI  
ABD. RAHMAN  
[TANJONG MANIS – BN]**

**TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)**

**SOALAN NO. 31**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan Kerajaan untuk melibatkan golongan belia luar bandar terutama belia di kawasan Parlimen Tanjung Manis ke dalam inisiatif Transformasi Nasional 2050 (TN50) melalui "road show" agar mereka tidak ketinggalan untuk memberikan sumbangan kepada TN50.

**SULIT****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat menitik beratkan pandangan daripada semua pihak dan komponen masyarakat yang boleh disampaikan di dalam pelbagai medium. Penglibatan peserta adalah terdiri daripada pelbagai bangsa dan umur bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dilibatkan dalam proses pengumpulan aspirasi TN50 ini.
2. Program TN50 tidak hanya menumpukan belia di kawasan nandar serta tidak meminggirkan warga luar nandar. Ini dapat dilihat melalui pemilihan lokasi Dialog Perdana TN50 yang diadakan di negeri-negeri turut melibatkan kawasan seperti daerah Dungun, Terengganu dan daerah Sri Manjung, Perak. Jabatan Belia dan Sukan juga turut berperanan untuk berkongsi maklumat dan juga mengumpul aspirasi di peringkat negeri dan daerah masing-masing. Selain daripada KBS, kementerian-kementerian lain juga telah mula melaksanakan program TN50 masing-masing. Antaranya seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Sumber Manusia, yang mempunyai kumpulan sasar masing-masing termasuk belia-belia di luar bandar.
3. Selain itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah digalakkan untuk mengambil inisiatif bersama bagi mengadakan program TN50 di kawasan masing-masing sekaligus mengumpulkan aspirasi belia dan seterusnya menyalurkan kepada Sekretariat TN50 di Kementerian Belia dan Sukan.